

Isnin, Feb 26 2018

Henti perbuatan hina BR1M

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

pengarang@utusan.com.my

KETIKA pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan diketuai DAP khususnya Tun Dr. Mahathir Mohamad terus membuat kenyataan menghina pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), semalam pembayaran pertama dibuat di Pekan, Pahang.

Ribuan penerima yang layak beratur panjang menanti giliran mereka untuk mendapat bantuan yang sudah pastilah sedikit sebanyak akan mengurangkan beban hidup mereka. Pelbagai cerita mereka paparkan ketika ditanya mahu buat apa dengan wang tersebut.

Bagi anak-anak orang kaya seperti anak Dr. Mahathir atau konco-konconya yang bertaraf 'Tan Sri' boleh sahaja mereka menghina pemberian tersebut, maklumlah kalau setakat RM500 hingga RM1,200 mungkin untuk beli curut mereka pun tidak cukup, apatah lagi kalau mahu membeli makanan binatang peliharaan seperti kuda, contohnya.

Tetapi bagi orang kurang berkemampuan wang sebanyak itu besar ertinya khususnya bagi mengurangkan beban belanja harian. Oleh itu berhentilah menghina pemberian BR1M. Janganlah merendah-rendahkan maruah orang



yang menerima bantuan itu sebagai 'makan dedak' dan meletakkan kelompok tersebut seolah-olah setaraf dengan haiwan.

BR1M diberi bukan atas tujuan politik sebaliknya seperti mana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mekanisme bantuan itu disyorkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Kalaupun hati sudah hitam akibat dibakar api politik kebencian, janganlah mempolitikkan bantuan kepada rakyat. Di negeri-negeri diperintah pembangkang pun ada insentif dan bantuan yang diberikan kepada penduduk, cuma melalui kaedah berbeza sahaja, tetapi kita tidak pernah menganggapnya sebagai dedak, hanya orang yang mempunyai moral dan maruah politik rendah sahaja menyamakan bantuan kepada golongan memerlukan setaraf dengan makanan binatang.

Ketika BR1M kali pertama dilancarkan dahulu, penulis melihat sendiri bagaimana bersyukur warga-warga emas menerima bantuan tersebut. Mereka mengucap berkali-kali wang yang di-

terima tanda kesyukuran. RM500 sudah cukup besar bagi mereka.

Begitu juga anak-anak muda yang menerima bantuan itu walaupun dalam laman sosial ada segelintir yang masih jahil untuk membezakan antara bantuan dan gaji bulanan serta terlalu nipis perasaan bersyukur dengan nikmat Allah.

Oleh itu teruskanlah BR1M demi untuk membantu rakyat. Dr. Mahathir dan konco-konconya boleh sahaja terus menghina BR1M tetapi fahamilah dalam kalangan penyokong mereka pun secara diam-diam ramai yang bersyukur dengan pemberian itu.

Maklumlah dengan kekayaan anak-anaknya yang berbilion ringgit dibantu pula oleh tokoh korporat tertentu mungkin Dr. Mahathir ada kaedah lebih baik untuk menggantikan BR1M, tetapi tunggulah Pakatan Harapan memerintah dahulu, buat masa ini duduklah diam-diam jangan hina penerima BR1M kerana mereka adalah insan-insan yang memerlukan bantuan seumpama itu.

Kalaupun Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan tidak mahu berterima kasih dan bersyukur kerana ia bantuan kerajaan Barisan Nasional (BN), janganlah mengajak orang lain untuk melakukan dosa yang sama.